

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : JULAI – OGOS 2020

SOALAN NO. 435

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah mendapan muara sungai Kuala Perlis yang semakin teruk dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan di Kuala Perlis.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, feri penumpang dari Kuala Perlis ke Langkawi beroperasi dari Jeti Penumpang Kuala Perlis yang terletak di muara Sungai Perlis. Lokasi jeti sedia ada ini mempunyai kadar pemendapan yang tinggi yang menyebabkan kedalaman air di sekitar terminal dan alur pelayaran feri menjadi cetek. Keadaan ini juga menyebabkan feri-feri penumpang hanya dapat beroperasi secara maksimum ketika air pasang sahaja dan menjejaskan ketepatan masa feri-feri ini.

2. Dalam hubungan ini, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah melaksanakan kerja-kerja pergerukan alur pelayaran dengan panjang alur yang dikeruk adalah 5.6 kilometer pada kedalaman 2.0 meter Chart Datum (CD) di Jeti Kuala Perlis dari bulan Ogos 2018 hingga Mac 2019 dengan kos keseluruhan berjumlah RM13.8 juta bagi mengatasi masalah mendapan yang sering berlaku di jeti tersebut.

3. Terkini, pada sesi permohonan projek baharu dalam RMKe-12, JLM telah menyenaraikan permohonan projek Kerja-Kerja Pengerukan di Alur Pelayaran dan Basin Jeti Penumpang Kuala Perlis dengan kos sebanyak RM30 juta sebagai senarai keutamaan projek di bawah JLM.

4. Walau bagaimanapun, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) pada 13 Julai 2017 telah memutuskan supaya satu Kajian Penyelesaian Yang Lebih Mampan Untuk Menangani Masalah Mendapan Yang Mengganggu Alur Pelayaran dan Basin Jeti Kuala Perlis

dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta mengenal pasti beberapa kaedah dan teknik baru pengerukan termasuk mengadakan “*sediment trap*” dan lain-lain kaedah yang sesuai.

5. Kajian Penyelesaian Yang Lebih Mampan Untuk Menangani Masalah Mendapan Yang Mengganggu Alur Pelayaran dan Basin Jeti Kuala Perlis sedang dilaksanakan dan dijangka akan selesai pada November 2020.

Sekian, terima kasih.